



## KENYATAAN MEDIA

### SKIM AGRO PRIHATIN NEGERI PERAK (AGROPRIHATIN)

IPOH, 06 APRIL 2020 – Kerajaan Negeri Perak hari ini melancarkan Skim Agro Prihatin Negeri Perak (AgroPrihatin) bagi membantu petani-petani yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertujuan memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19.

Menerusi skim AgroPrihatin ini, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP) memperuntukkan dana berjumlah RM1 juta bagi membeli hasil-hasil pertanian terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak terjual daripada para petani yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Perak dan PPNP. Pembelian akan dilakukan secara tunai untuk membantu kecairan modal segera bagi para petani.

YAB Menteri Besar Perak Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato Azumu berkata skim ini adalah berasaskan kepada kerjasama rakan strategik dan usaha strategik di antara Kerajaan Negeri melalui PPNP dengan KLK Berhad, Agroto Business, Pertubuhan Peladang Kawasan Selama dan Central Kitchen.

"Menerusi kerjasama ini, hasil pertanian yang dibeli oleh PPNP akan dijual terus kepada rakan strategik iaitu KLK Berhad dan syarikat-syarikat perladangan sawit di negeri Perak untuk diagihkan kepada kakitangan mereka yang dianggarkan berjumlah dalam 10,000 orang. Syarikat korporat seperti Agroto Business berminat untuk memasarkan hasil pertanian ke pasar raya," ujarnya.

Beliau yang juga Pengurus Lembaga Pengarah PPNP berkata, bagi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), hasil pertanian disalurkan kepada operator Central Kitchen seluruh Negeri Perak untuk penyediaan makanan bermasak kepada para petugas barisan hadapan (*frontliners*) yang bertugas dalam operasi mengekang

penularan wabak Covid-19.

Berdasarkan kepada data dari Jabatan Pertanian dan agensi-agensi pertanian negeri, pengeluaran hasil pertanian oleh para petani di Negeri Perak sehingga 14 April 2020 dianggarkan melebihi 13,000 tan metrik.

Bagaimanapun, dianggarkan antara 20% hingga 30% daripada hasil pertanian ini tidak dapat dijual berikutan kurang permintaan dari pemborong, industri perhotelan dan rangkaian restoran susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berlangsung sehingga 14 April 2020 atau sehingga arahan itu ditarik balik.

Justeru Kerajaan Negeri menyeru kepada para petani yang terjejas untuk berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak, FAMA Negeri Perak dan PPPNP untuk memudahkan urusan penyaluran bantuan. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang dan laman Facebook agensi terbabit. Berikut merupakan pegawai untuk dihubungi:

PPPNP

Pn. Norafiza Abu Seman (013-5000894)

Jabatan Pertanian Negeri Perak

Pn. Raudah Talib (017-3981454)

FAMA Negeri Perak

En. Mohamad Fikri Mohamad Hashim (017-3624087)

Semoga inisiatif skim AgroPrihatin akan membantu meringankan beban para petani yang terjejas, seterusnya memastikan kelangsungan dan kestabilan bekalan produk pertanian di Negeri Perak pada masa hadapan.

Sama-sama kita berdoa supaya rantaian wabak Covid-19 ini dapat diputuskan dan kita semua dapat kembali kepada kehidupan seperti biasa.

-tamat-